

25 OCT 1996

Belanjawan - Masa Depan

TRANSFORMASI JAMIN EKONOMI MALAYSIA ABAD KE-21

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Semua asas ekonomi Malaysia utuh kecuali kesulitan dalam imbangan pembayaran yang perlu dilihat sebagai "kepedihan kelahiran era ekonomi baru," kata Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Yang hendak kita lahirkan ialah ekonomi abad ke-21," katanya semasa membentangkan Belanjawan 1997 di Dewan Rakyat.

Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, untuk menjamin ekonomi Malaysia abad ke-21 selamat lahir, rakyat perlu melakukan transformasi.

"Kita perlu melonjak pantas ke zaman digital," katanya dan menambah bahawa sektor perkhidmatan yang diberikan tumpuan dalam Belanjawan kali ini perlu direvolusikan.

Menurut beliau, senario ekonomi antarabangsa menggalakkan dan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 8 peratus.

Anwar berkata, pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkilangan yang dijangka tumbuh cergas pada kadar 12.5 peratus manakala pelaburan swasta dijangka melonjak sebanyak 13.7 peratus.

"Sektor eksport akan terus tegap dan sektor perkhidmatan meningkat sebagai penjana pertukaran asing. Ini mendorong kepada akaun semasa imbangan pembayaran yang lebih baik sementara inflasi pula diramal terus rendah," katanya.

Anwar berkata reformasi pentadbiran diteruskan untuk memperkemaskan pengurusan perkhidmatan awam.

Beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah akan dibubarkan sementara agensi seperti Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit; Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia akan digabungkan.

Anwar berkata, strategi dan langkah untuk pelaksanaan yang terkandung dalam cadangan Belanjawan ini mencerminkan hasrat luhur kerajaan untuk mempertingkatkan keselesaan dan mutu hidup rakyat.

"Inilah prinsip dan kasad pemerintahan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Anwar juga menyentuh larangan amalan rasuah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Sambil menegaskan perbuatan rasuah ibarat barah yang perlu dibanteras dan dicabut akar umbinya, Anwar berkata: "Rasuah ibarat api dalam sekam. Selagi kecil ia merosakkan sekam, apabila besar ia membakar alam."

Anwar juga berkata demokrasi akan berfungsi sebaik-baiknya apabila ada perpaduan di kalangan rakyat.

Dengan semangat perpaduan ini beliau meminta anggota-anggota BN di Parlimen menyambut kepulangan Anggota dari Parti Melayu Semangat 46 kepada UMNO dan BN.

-- BERNAMA

RHM FAZ